

Sokong banteras rasuah sektor awam, swasta

S. Haron
15/8/16
mls 4

SHAHALAM – Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) menyambut baik cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang tegas mahu membanteras rasuah di peringkat penjawat awam dan swasta.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Shamsuddin Bardan berkata, usaha tersebut adalah langkah tepat daripada agensi berkenaan memandangkan kedua-dua sektor mempunyai kaitan rapat.

“Rasuah ada di mana-mana sahaja. Kalau kita lihat di sektor awam, mereka mempunyai kuasa meluluskan.

“Manakala sesetengah sektor swasta memerlukan kelulusan daripada kerajaan untuk sesuatu projek atau tender. Ini memungkinkan wujudnya rasuah, di mana akan ada yang memberi dan menerima antara dua sektor tersebut,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.



SHAMSUDDIN

Beliau berkata, dalam melaksanakan peranan itu, tidak mustahil amaran yang diutarakan itu diterjemahkan dengan serbuan di pejabat-pejabat kerajaan atau swasta yang berkaitan sekiranya terdapat bukti perlakuan rasuah.

Mengulas perkara tersebut, Shamsuddin menyarankan SPRM mencari mekanisme terbaik dalam mencari bukti, selain daripada melakukan serbuan di pejabat kerana bakal timbul-

kan pelbagai spekulasi.

“Ditahan kerana diyakini belum lagi menunjukkan seseorang itu bersalah. Mungkin semua tahu proses untuk membuktikan seseorang itu bersalah adalah di mahkamah.

“Kalau buat serbuan di pejabat, saya bimbang ia akan jadi bahan cerita. Serbuan itu juga tidak semestinya menunjukkan seseorang itu bersalah atau mungkin dianiaya,” katanya.

Menurutnya, isu-isu berkaitan rasuah sememangnya mendapat liputan meluas oleh pengamal media.

“Jadi, jika berlaku serbuan, media akan buat liputan mengenainya dan sudah pasti ia menyentuh sensitiviti.

“Mungkin masa dan tempat itu perlu sesuai untuk buat serbuan. Soal untuk mendapatkan maklumat saya fikir dunia semakin canggih, SPRM mungkin ada cara terbaik,” katanya.